

23 APRIL 2018

## Minggu PPPDa wujudkan muafakat cegah dadah

### Minggu PPPDa wujudkan muafakat cegah dadah

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bintang Utara melancarkan Minggu Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPPDa) bagi melibatkan dan mewujudkan permuafakatan warganya dalam usaha mencegah dadah di sekolah itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pengetua SMK Seri Bintang Utara, Sapura Amat berkata, objektif utama Minggu PPPDa adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran PPDa kepada murid, guru dan kakitangan sekolah supaya dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif itu.

“Diharap dengan adanya program ini dapat membantu membina ketahanan dan jati diri yang tinggi dalam kalangan murid dari segi fizikal, emosi, mental mahupun rohani,” katanya ketika melancarkan Minggu PPPDa itu.

Sepanjang minggu itu, pelbagai aktiviti diadakan antaranya pertandingan sajak dan melukis poster, mesej dari penjara dan perkongsian kisah-kisah benar dari Raudatus Sakinah.

Selain itu, turut diadakan pameran oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan ceramah antijenayah Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur.



SAPURA AMAT (dua dari kanan) mengetuai lafaz ikrar antidadah dalam majlis pelancaran Minggu PPPDa SMK Seri Bintang Utara di Kuala Lumpur, baru-baru ini.